



---

**RABU, 30 MAC 2022  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PESAWAT LATIHAN PENERBANGAN TERBABAS DARI LANDASAN  
DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA LANGKAWI**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan kemalangan melibatkan sebuah pesawat yang sedang menjalani latihan penerbangan malam di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah pada 8:04 malam, Rabu, 30 Mac 2022. Pesawat Diamond DA-40D, 9M-HMW yang dikendalikan oleh HM Aerospace Sdn. Bhd. (HMA) telah hilang kawalan semasa pendaratan dan terbabas keluar dari landasan.

Juruterbang dilaporkan sedang menerima bantuan perubatan dan berada dalam keadaan stabil. Kemalangan tersebut telah menyebabkan kerosakan pada struktur kapal terbang dan telah dialihkan pada 10:25 malam bagi memastikan keselamatan operasi landasan. Landasan telah dibuka kepada penerbangan berjadual komersial pada 10:29 malam. Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mengikut Bahagian XXVI Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

**DATUK KAPTEN CHESTER VOO**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia